

ICC temu bual kakitangan dua hospital terbesar Gaza



THE HAGUE: Pendakwa raya dari Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) menemui bual kakitangan dari dua hospital terbesar di Gaza.

Perkara itu didedahkan dua sumber yang memberitahu Reuters bahawa penyiasat ICC berunding dengan pakar perubatan tentang kemungkinan jenayah berlaku di Gaza.

Sumber itu yang meminta untuk tidak dikenali kerana sensitiviti memberitahu, penyiasat ICC mengambil keterangan daripada kakitangan yang bekerja di hospital utama di Bandar Gaza di utara iaitu Hospital Al Shifa dan Hospital Nasser di Khan Younis di selatan.

Sumber itu bagaimanapun enggan memberikan butiran lanjut, memetik kebimbangan mengenai keselamatan bakal saksi.

Salah satu sumber berkata bahawa peristiwa di sekeliling hospital boleh menjadi sebahagian daripada penyiasatan oleh ICC.



PENYELAMAT dan pegawai perubatan mencari mayat di dalam Hospital Al Shifa yang rosak selepas tentera Israel berundur dari hospital dan kawasan sekitarnya selepas operasi selama dua minggu. - REUTERS

ICC mendengar kes jenayah terhadap individu untuk jenayah perang, jenayah terhadap kemanusiaan, pembunuhan beramai-ramai dan pencerobohan.

Pejabat pendakwa raya ICC

bagaimanapun enggan mengulas mengenai perkara operasi dalam siasatan yang sedang dijalankan dengan alasan keperluan untuk memastikan keselamatan mangsa dan saksi.

ICC berkata, pihaknya sedang

menyiasat kedua-dua pihak dalam konflik itu termasuk kedua-dua serangan 7 Oktober lalu oleh pejuang Hamas ke atas Israel dan serangan Israel berikutnya di Gaza.

Semasa konflik, kedua-dua

hospital utama Gaza menjadi sasaran Israel, dikelilingi, dikepung dan diserang oleh tentera Israel yang menuduh pejuang Hamas menggunakan infrastruktur berkenaan untuk tujuan ketenteraan.

Bagaimanapun ia dinafikan oleh Hamas dan kakitangan perubatan.

Dalam beberapa hari kebelakangan ini, pegawai Palestin juga menuntut siasatan selepas ratusan mayat digali di kubur besar di Hospital Nasser.

Kedua-dua sumber itu tidak dapat menyatakan sama ada kubur tersebut merupakan sebahagian daripada soalan pertanyaan ICC.

Israel menafikan melakukan jenayah perang termasuk di dalam atau di sekitar hospital Gaza di mana ia mengatakan semua aktiviti ketenteraannya dibenarkan dengan kehadiran pejuang Hamas.

Hospital dilindungi semasa perang oleh perjanjian antarabangsa.

Serangan terhadap mereka akan dianggap sebagai jenayah perang di bawah ICC walaupun mereka boleh kehilangan perlindungan ini dalam beberapa keadaan jika ia digunakan oleh pejuang dengan cara yang berbahaya kepada musuh. - REUTERS